

## PANDANGAN ISLAM TERHADAP KONSEP KESATUAN AGAMA DALAM BAHAI

### ***ISLAMIC VIEW ON THE CONCEPT OF UNITY OF RELIGION IN BAHAI***

**Nurhanisah Senin<sup>1</sup>**  
**Khadijah Mohd Khambali @ Hambali<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Dakwah Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>2</sup>Jabatan Akidah Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

**Accepted date:** 09-10-2018

**Published date:** 15-12-2018

**To cite this document:** Senin, N., & Hambali, K. M. (2018). Pandangan Islam Terhadap Konsep Kesatuan Agama dalam Bahai. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, 1(4), 23-33.

---

**Abstrak:** Ajaran Bahai yang diasaskan oleh Baha'ullah pada asalnya merupakan salah satu firqah daripada firaq Islam yang muncul pada tahun 1863M. Ajaran ini kemudian menjadi satu agama rasmi dan terkandung di dalamnya unsur-unsur universal yang menarik perhatian penganut-penganut agama lain untuk turut sama menganutinya kerana cirinya yang bersifat universal. Terdapat tiga prinsip utama yang mendasari ajaran Bahai iaitu prinsip keesaan Tuhan, kesatuan agama dan kesatuan umat manusia. Ketiga-tiga prinsip ini pada asasnya bertujuan untuk membentuk keharmonian di antara agama yang akhirnya membawa kepada fahaman menyatukan agama-agama dunia. Fahaman ini bertitik tolak daripada kepercayaan bahawa setiap rasul yang diutuskan kepada agama-agama yang berbeza merupakan utusan dari Tuhan yang satu, tidak wujud kebenaran mutlak dan keselamatan wujud dalam setiap agama. Hasil daripada kajian ini mendapati kesatuan agama yang dibawa dalam ajaran Bahai adalah selaras dengan prinsip pluralisme agama yang merujuk kepada kesamarataan semua agama atas dasar toleransi beragama yang bertentangan dengan dasar pemikiran Islam.

**Kata Kunci:** Bahai, Kesatuan Agama, Islam

**Abstract:** *Bahai, founded in 1863 by Baha'ullah is a sect from various Islamic sects. Bahai then become an institutionalised religion that consist of universal values that entice members of other faiths for its universal values. There are three main principles of Bahai; unity of God, unity of religion and unity of humanity. These three principles basically aim to create harmony between religions which lead to unity of world religions. This understanding emerges from the affirmation that messengers from different religions sent from the same God, absolute truth claim does not exist and salvation occurs in every religion. This paper finds that unity of religion in Bahai is parallel to the principle of religious pluralism that reflects the idea of religious equility based on religious tolerance that is inconsistent with the Islamic thought.*

## Pengenalan

Dakwaan kebenaran mutlak atau *absolute truth claim* seringkali menjadi isu yang dibincangkan dalam wacana kajian keagamaan abad ke-20. Hasil daripada perdebatan *truth claim* lahirlah kefahaman terhadap agama yang boleh dikategorikan kepada dua ciri utama iaitu eksklusif-inklusif. Pendekatan eksklusif menolak sebarang keselamatan di luar agama yang bertentangan dengan inklusif yang menerima semua agama sebagai sama benar. Pendekatan eksklusif dianggap sebagai memecahbelahkan masyarakat atas dasar dakwaan kebenaran hanya milik sebuah agama. Adapun pendekatan inklusif yang menganggap kebenaran wujud dalam setiap agama dilihat lebih ideal untuk diperaktikkan dalam masyarakat berbilang agama. Hasil daripada tipologi agama di atas menyebabkan penafsiran agama menjadi literal dan bersifat relatif.

Fenomena ini dapat dilihat dalam Kristianiti di mana beberapa sarjana Barat Kristian cuba untuk mengubah ajaran Kristian ini agar lebih bersifat inklusif dalam hubungan antara agama. Ianya bermula dengan Rene Guenon (1886-1951) yang memasukkan falsafah *perennial* ke dalam ajaran Kristian dan kemudiannya disambung pula oleh Frithjof Schuon (1907-1998) yang memperkenalkan konsep *Transcendent Unity of Religions*. Pemikiran kesatuan agama ini diteruskan oleh Wilfred Cantwell Smith (1916-2000) yang memperkenalkan konsep *World Theology* dan kemudiannya diikuti oleh John Hick (1922-2012).

Wacana kesatuan agama ini bukan sahaja berlaku dalam ajaran Kristian bahkan ianya juga secara aktif meresap masuk ke dalam pemikiran sarjana Muslim seperti Fazlur Rahman, Abdulaziz Sachedina, Mahmoud Ayoub, Asghar Engineer, Sayyid Hossein Nasr dan Nurcholish Majid yang pemikirannya menjadi dasar pegangan Jemaah Islam Liberal (JIL) di Indonesia. Ajaran Bahai secara tidak langsung turut terkesan dengan daripada pemikiran kesatuan agama yang menganggap ianya sebagai solusi dalam mendepani isu-isu kepelbagaian agama.

## Ajaran Bahai

Pertumbuhan agama Bahai dilihat berkembang pesat selari dengan pertumbuhan agama-agama utama dunia seperti agama Kristian, Islam, Hindu dan Buddha. Hal ini dapat dilihat menerusi prinsip ajaran Bahai yang mempromosikan prinsip-prinsip yang bersifat universal. Ajaran ini diasaskan oleh Baha'ullah pada tahun 1863 yang pada mulanya berkembang di Iran dan di sebahagian negara di Timur Tengah (Affolter, 2005). Penganut Bahai pada hari ini telah mencapai lima hingga enam juta penganut dan telah tersebar ke seluruh negara di seluruh dunia. ("Worldwide Adherents of All Religions by Six Continental Areas". *Encyclopædia Britannica*. 2010.)

Menurut statistik dalam ensiklopedia *Britannica* menunjukkan ajaran Bahai merupakan ajaran kedua yang tersebar luas selepas ajaran Kristianiti. Ianya dianggap sebagai satu-satunya agama yang berkembang lebih pesat daripada populasi dunia dalam kebanyakan kawasan utama (Johnson & Grim, 2013)

Perkara ini dapat dilihat dengan jelas apabila ditelusuri tujuan utama ajaran Bahai ini diasaskan oleh Baha'ullah yang menekankan tujuan agama ini adalah sememangnya untuk mewujudkan transformasi rohani dalam kehidupan manusia dan memperbaharui masyarakat berdasarkan prinsip-prinsip keesaan Tuhan, kesatuan agama dan kesatuan umat manusia. Masyarakat Bahai

percaya bahawa agama harus menjadi peneraju kepada perdamaian dan keharmonian masyarakat dunia.

Ajaran Bahai lahir di Iran pada tahun 1844. Agama ini dimulai dengan kemunculan Ali Muhammad yang digelar sebagai Bab yang bermaksud pintu iaitu pintu kepada wahyu Tuhan. Pada 23 Mei 1844, beliau mengumumkan bahawa beliau adalah utusan Tuhan untuk mempersiapkan umat manusia bagi menghadapi kedatangan seorang rasul Tuhan seperti mana Tuhan mengutus Nabi Isa dan Muhammad (A.V., 2017). Kemudian pada 21 April 1863, Baha'ullah (1817-1892) mengumumkan dirinya sebagai utusan Tuhan secara terbuka di Baghdad. Akibat daripada pengakuan tersebut beliau telah dibuang negeri. Beliau menetap di salah sebuah penjara di bandar Akka yang sekarang ini terletak di Israel.

Selepas daripada kematian Baha'ullah, ajaran Bahai diteruskan oleh anak sulungnya Abdul Baha' (1844-1921) dan kemudiannya dambil alih oleh cucu Abdul Baha' iaitu Shoghi Effendi (1897-1957) yang diangkat sebagai wakil ajaran Bahai. Setiap tahun, penganut Bahai akan memilih wakil agama yang disebut sebagai *spiritual assembly's* yang akan mengetuai hal ehwal agama setiap kawasan. Pada peringkat antarabangsa pula, wakil daripada golongan *spiritual assemblies* ini akan memilih ahli yang akan menduduki Universal House of Justice yang merupakan institusi pentadbiran tertinggi dalam ajaran Bahai.

Penganut ajaran Bahai mempercayai bahawa Baha'ullah mempunyai persamaan dengan Nabi Isa dan mempunyai kebijaksanaan yang luar biasa. Pada zaman Shoghi Effendi, beliau telah menterjemahkan kebanyakannya daripada tulisan Baha'ullah dan Abdul Baha' ke dalam bahasa Inggeris. Beliau juga banyak membantu mengembangkan institusi-institusi agama Bahai di seluruh dunia. Antara peranan Abdul Baha adalah dengan menggariskan prinsip-prinsip umum ajaran Bahai seperti yang dinyatakan ketika lawatannya pada 1912 di Amerika Syarikat dan Kanada. Antaranya adalah, kesatuan umat manusia, keharmonian sejagat yang diketuai oleh kerajaan dunia, berdikari dalam mencari kebenaran, persamaan asas dalam semua agama, keharmonian di antara sains dan agama, kesamarataan antara lelaki dan wanita, memansuhkan sikap prejedis, kewajipan pendidikan sejagat, penyelesaan yang bersifat spiritual dalam menyelesaikan masalah ekonomi dan bahasa sejagat sebagai bahasa kedua. (<http://www.Bahai.com/Baha'ullah/principles.htm>)

Antara prinsip asas dalam ajaran Bahai adalah dalam memperbaiki tingkah laku dalam serta melakukan khidmat untuk ummah. Kedua-dua prinsip ini dinyatakan oleh Shoghi Effendi dalam ajarannya untuk bukan sahaja membangunkan keperibadian dan keagamaan individu malah membangunkan masyarakat. Mereka tidak hanya dituntut untuk melaksanakan upacara sembahyang namun mereka juga perlu berusaha memastikan masyarakat sekeliling mereka turut sama mengalami pengalaman rohani yang sama. (<https://www.Bahai.org/action/response-call-Baha'ullah/>).

Ajaran Bahai yang diasaskan di Iran yang majoriti daripada penduduknya ketika itu menganuti kepercayaan Syiah. Terdapat juga daripada penduduk Iran yang memeluk agama Zoroastrian, Yahudi dan Kristian. Menurut Esslemont, pada abad ke-19 keharmonian bukanlah menjadi matlamat utama dalam kehidupan masyarakat beragama sehingga menimbulkan konflik di antara penganut beragama akibat daripada kurang sikap toleransi. Setiap agama pula berpecah kepada mazhab-mazhab yang berbeza walaupun pada asasnya setiap agama mengajak kepada kesatuan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Namun kerana ketaksuban terhadap agama sendiri, manusia hilang rasa kemanusiaan.

Kesan daripada konflik yang semakin memuncak pada zaman Baha'ullah menyebabkan beliau terpanggil untuk menyatukan umat manusia. Seperti yang dinukilkan oleh Baha'ullah kepada Profesor Browne (Esslemont, 1980):

*That all nations should become one in faith and all men as brothers; that the bonds of affection and unity between the sons of men should be strengthened; that diversity of religion should cease, and differences of race be annulled.... These strifes and this bloodshed and discord must cease, and all men be as one kindred and one family.... (Esslemont 1980, 117-18)*

Maksudnya:

Semua bangsa harus bersatu dalam kepercayaan dan semua lelaki adalah bersaudara; ikatan kasih sayang dan perpaduan antara anak-anak lelaki harus diperkuat; kepelbagaian agama sepatutnya dimansuhkan, dan perbezaan bangsa dibatalkan. ... Pertarungan, pertumpahan darah dan perselisihan ini mesti dihentikan, dan semua orang menjadi satu keluarga.

Oleh demikian, langkah pertama yang diambil oleh Baha'ullah adalah untuk mempromosikan toleransi dalam kesatuan beragama. Abdul Baha' berpesan untuk menghilangkan sifat prejedis terhadap agama lain, seseorang haruslah pergi ke rumah ibadat penganut agama lain bagi melihat cara mereka melaksanakan ibadah. Ketua-ketua agama harus sentiasa berdiskusi berkenaan prinsip-prinsip agama mereka serta mengelakkan daripada bersifat fanatik.

### **Konsep Kesatuan Agama Menurut Ajaran Bahai**

Dalam usaha untuk menyatukan agama, Baha' menjelaskan tentang konsep kerasulan dalam agama-agama. Menurut masyarakat Bahai secara umumnya, antara masalah utama dalam menghambat usaha keharmonian serta kesatuan agama-agama di dunia adalah faktor wujudnya kuasa autoriti dalam setiap agama. Setiap penganut beranggapan bahawa pengasas agama serta undang-undang dalam agama yang dianutinya merupakan satu-satunya agama yang benar. Mandat yang diberikan kepada seorang rasul sebagai pembawa agama haruslah diyakini dan menolak apa sahaja yang bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh rasul tersebut.

Sebaliknya, dalam ajaran Bahai, Baha'ullah menjelaskan bahawa semua ajaran yang dibawa oleh Rasul adalah pesanan yang tulin daripada Tuhan di mana Tuhan memberikan pesanan tersebut kepada manusia cerdik pandai di antara umat manusia ketika itu untuk disampaikan kepada yang lain. Baha'ullah mengajak umat manusia menerima semua wahyu yang diturunkan kepada rasul dalam ajaran mereka dan turut sama menerima rasul-rasul dalam agama lain. (Esslemont, 1980).

Antara hasrat utama Baha'ullah mengasaskan ajarannya adalah supaya manusia bersatu dan terdiri daripada satu bangsa sahaja. Hal ini seajar dengan kenyataan beliau, "Dunia hanya terdiri daripada satu negara di mana semua orang adalah warganya." Baha'ullah menekankan ciri universal yang wujud dalam ajarannya (Hatcher & Martin, 1998). Tujuan agama Bahai diasaskan adalah untuk mewujudkan transformasi rohani dalam kehidupan manusia dan memperbaharui institusi masyarakat berdasarkan prinsip-prinsip keesaan Tuhan, kesatuan agama dan kesatuan umat manusia.

Menurut pendapat Baha', Tuhan telah mengirim rasul sebagai pembimbing manusia. Oleh yang demikian, semua agama bersumber daripada satu Tuhan iaitu Tuhan yang mencipta alam semesta yang bersifat tidak terbatas, tidak terhingga dan berkuasa. Hakikat Tuhan tidak dapat difahami dan manusia tidak dapat memahami realiti Tuhan. Oleh yang demikian, Tuhan

memilih untuk menjelaskan diri-Nya kepada manusia melalui para pengutus Tuhan dan di antaranya adalah Ibrahim, Musa, Krishna, Zoroaster, Buddha, Isa, Muhammad, Bab dan Baha'ullah. Para pengutus Tuhan seperti cermin yang mencerminkan sifat-sifat kesempurnaan Tuhan yang satu. Ini bermakna menurut Baha'ullah, para rasul mempunyai sifat-sifat terpuji yang melambangkan kesempurnaan sebenar Tuhan (Hartz, 2009).

Menurut ajaran Bahai, semua pengutus Tuhan memiliki darjat dan tujuan yang sama iaitu untuk memelihara dan menjaga alam yang telah dicipta Tuhan. Mereka mengungkapkan kebenaran yang sama. Oleh itu, mereka menganggap bahawa semua utusan Tuhan dan pembawa wahyu seperti Nabi Isa, Nabi Musa, Zoroaster, Krishna dan lain-lain adalah utusan Tuhan. Kesemua utusan Tuhan berperanan membawa manusia kepada jalan kebenaran menuju Tuhan. Adapaun Bab dan Baha' adalah penyambung kepada legasi para utusan Tuhan. Menurut Baha' (Fazel, 2003),

“Tiada keraguan apa pun bahawa semua manusia dari bangsa atau agama apa pun memperoleh ilham mereka daripada satu sumber syurgawi dan merupakan hamba-hamba kepada satu Tuhan.”

Selain daripada itu, untuk menjelaskan lagi kesatuan agama, Bahai menjelaskan lagi bahawa semua agama berasal daripada satu Tuhan yang sama. Menurut mereka lagi, agama-agama utama di dunia merupakan sinaran-sinaran daripada satu cahaya yang sama. Cahaya tersebut adalah cahaya dari Tuhan dan sinaran daripada cahaya adalah agama-agama yang wujud di dunia (Fazel, 2003). Semua agama bagi mereka membawa kepada jalan yang satu iaitu menuju Tuhan yang esa. Kesatuan agama dianggap sebagai solusi dalam menyelesaikan masalah perpecahan di dunia. Antara kenyataan Baha'ullah yang merujuk kepada hal ini adalah,

*“That which the Lord hath ordained as the sovereign remedy and mightiest instrument for the healing of all the world is the union of all its peoples in one universal Cause, one common Faith. This can in no wise be achieved except through the power of a skilled, an all-powerful and inspired Physician. This, verily, is the truth, and all else naught but error.” (WOB 120)*

Maksudnya: “Perkara yang telah ditentukan oleh Tuhan sebagai alat remedii dan instrumen yang paling kuat untuk menyembuhkan seluruh dunia adalah kesatuan manusia menerusi satu Sebab universal (Tuhan), satu kepercayaan yang sama. Ini tidak dapat dicapai kecuali melalui kuasa seorang Pakar yang mahir, yang Maha Kuasa dan terinspirasi. Ini, sesungguhnya, adalah kebenaran, dan segala yang lain hanyalah kesilapan.”

Walaupun manusia di atas muka bumi ini terdiri daripada pelbagai bangsa, suku kaum etnik dan berlainan warna kulit, semuanya bagi Bahaullah adalah makhluk yang diciptakan oleh Tuhan yang satu serta segala ilmu atau ilham adalah bersumberkan kepada Tuhan yang satu. Ajaran Bahai menganggap manusia adalah satu dan setara di hadapan Tuhan oleh itu, manusia perlu diperlakukan dengan adil dan harus dihargai dan disayangi tanpa mengira status mereka dalam masyarakat.

Perbincangan berkenaan konsep pluralisme agama dalam Bahai telah bermula sejak dari tahun 1990an. Perbincangan berkenaan fenomenologi agama mencorakkan pemikiran penganut agama yang memahami agama hanyalah sebagai pengalaman individu yang bersifat relatif. Prinsip relativiti dalam memahami kebenaran agama yang menghalang kefahaman tentang

kebenaran mutlak. Bahau'llah menyebutkan berkenaan Tuhan dengan mengatakan bahawa (Fazel, 2003):

*"Exalted, immeasurably exalted, art thou above the strivings of mortal man to unravel Thy mystery, to describe Thy glory, or even hint at the nature of Thine Essence."*

Maksudnya: "Maha Agung, teramat tinggi, artinya engkau di atas perjuangan manusia fana untuk menghuraikan misteri Anda, untuk menggambarkan kemuliaan-Mu, atau bahkan memberi petunjuk pada sifat Tuhan."

Secara tidak langsung, kenyataan di atas menunjukkan bagaimana usaha untuk mengenali Tuhan hanyalah dilingkungi oleh individu manusia yang menetapkan pandangan mereka berkenaan Tuhan. Usaha tersebut hanya merupakan refleksi daripada apa yang telah dicipta dalam diri mereka. Dari pemikiran inilah lahirnya konsep '*cognitive relativism*' sebagai salah satu cara mendepani konflik kebenaran mutlak di antara agama (Abdul-Baha', 1984).

Konsep kesatuan agama ini dilihat sejajar dengan pemikiran pluralisme pasca moden. Seperti yang dinukilkan oleh Byrne (1995), beliau menyimpulkan tiga prinsip utama falsafah pluralisme. Pertama, semua agama atau tradisi merujuk kepada Tuhan yang sama. Kedua, semua agama mempunyai keselamatan dalam agama masing-masing. Ketiga, semua agama mempunyai maklumat yang terhad berkenaan Tuhan yang menyebabkan tiada agama layak mengatakan bahawa agamanya sahaja yang benar dan menafikan kebenaran agama lain.

Jelas di sini konsep kesatuan agama Bahai membenarkan ketiga-tiga prinsip di atas iaitu, semua tradisi kepercayaan membawa manusia kepada Tuhan yang satu, terdapat jaminan keselamatan dalam setiap agama dan semua agama tidak boleh mendakwa akan kebenaran sesebuah agama dan menafikan kebenaran agama lain. Namun begitu, jika ditelusuri dengan lebih mendalam konsep kesatuan agama dalam Bahai ianya bersifat lebih inklusif dan radikal apabila menganggap semua manusia dari berbilang agama adalah penganut Bahai pada akhir zaman nanti. Seperti mana yang disebutkan oleh Baha'ullah dalam suratnya kepada Queen Victoria,

*"That which the Lord has ordained as the sovereign remedy and mightiest instrument for the healing of all the world is the union of all its peoples in one universal Cause, one common Faith."*

*(Proclamation of Bahá'u'lláh, 67)*

Baha'ullah pernah mengatakan kepada Profesor E. G. Browne, orientalis terkenal di Cambridge bahawa semua bangsa akan bersatu dalam kepercayaan apabila terhapusnya konsep berbilang agama. Antara penulisan-penulisan Baha'ullah yang menunjukkan konsep kesatuan agama dalam ajaran Bahai adalah seperti berikut:

*"The fourth candle [of unity] is unity in religions (Persian, vahdat-i-din) which is the corner-stone of the foundation itself, and which, by the power of God, will be revealed in all its splendour. (WOB: 39)"*

Maksudnya: "Lilin (prinsip) yang keempat adalah kesatuan agama yang merupakan prinsip asas yang akan didedahkan oleh Tuhan dengan kehebatannya."

Dalam kenyataan lain, Abdul Baha' juga menjelaskan: "All men will adhere to one religion, will have one common faith." (WOB: 205). Kenyataan berkenaan dengan 'satu agama' boleh difahami dengan maksud yang simbolik dan menunjukkan agama Tuhan. Shoghi Effendi memberi gambaran bagaimana wujudnya kepelbagaian agama merupakan fasa daripada fasa evolusi agama yang hakikatnya datang dari satu penurunan wahyu yang sama.

*"Allegiance to one common Revelation...is the goal towards which humanity, impelled by the unifying forces of life, is moving" (WOB 204)*

Maksudnya: "Kesetiaan kepada satu Wahyu yang sama... adalah matlamat ke arah kemanusiaan yang bergerak dengan daya penyatuan hidup."

Rasa kemanusiaan ini akan membangkitkan kesedaraan akan wujudnya satu sahaja agama. Dalam menerangkan tentang kewujudan satu agama ini, Bahai sendiri pernah menafsirkan tentang firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَكْلَمُ وَمَا أَخْتَافَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مَنْ بَعْدَ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ  
بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرُ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

"Sesungguhnya agama (yang benar dan diredayai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerima) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya." (Surah ali- 'Imran 3: 19)

Masyarakat Bahai menafsirkan ayat ini sebagai mereka yang tunduk dan patuh kepada Tuhan dan bukannya secara khusus merujuk kepada ajaran Islam yang dipraktikkan oleh umat Islam terdahulu sehingga kini (Fazel, 2003).

Ajaran Bahai yang menyokong kebebasan beragama dan melarang penganutnya mempunyai sikap diktator atau penjajah. Oleh yang demikian, pada pandangan masyarakat Bahai, orang bukan Bahai tidaklah dianggap tidak suci, mereka tidak dikenakan bayaran ufti dan tidak terdapat larangan bagi penganut Bahai untuk bekerja, tinggal bersama mahupun berkahwin dengan penganut agama lain. Hal yang demikian membawa konotasi bahawa 'keluar agama' dalam ajaran Bahai tidak membawa sebarang maksud. Anak-anak Bahai yang lahir daripada kedua ibubapa yang menganut ajaran Bahai bebas memilih untuk terus menganut ajaran Bahai mahupun memilih pegangan hidup sendiri apabila usia mereka mencecah 15 tahun. Atas nama kebebasan memilih agama ini menggalakkan mereka untuk berdikari dan mencari kebenaran sendiri tanpa mengikut sesebuah agama secara membuta tuli (Fazel, 2003).

Hasil daripada perbincangan di atas menunjukkan terdapat tiga prinsip utama yang mendasari konsep kesatuan agama dalam ajaran Bahai. Pertama, rasul yang diutuskan dalam agama-agama merujuk kepada Tuhan yang sama. Kedua, kebenaran mutlak tidak tertakluk pada satu-satu agama sahaja. Bahai menolak ciri autoriti yang diletakkan pada agama sehingga manusia malas untuk mencari kebenaran sendiri. Ketiga, keselamatan wujud dalam semua agama dan pada akhir zaman kelak masyarakat Bahai yakin semua manusia akan menganut ajaran Bahai.

## Sudut Pandang Islam Terhadap Kesatuan Agama Ajaran Bahai

Secara etimologi, Islam berasal daripada perkataan *salima* yang membawa maksu selamat dan aman. Manakala perkataan Islam yang dibentuk daripada perkataan *aslama* bermaksud memelihara keselamatan serta menyerahkan diri, tunduk dan patuh jelas menunjukkan Islam merupakan agama yang sangat mementingkan persaudaraan di antara sesama manusia. Tuntasnya, Islam bukanlah agama perselisihan dan perpecahan akan tetapi Islam sangat menganjurkan nilai toleransi serta saling menghormati. Kepelbagaiannya agama telah disebutkan dalam al-Quran seperti firman Allah

بِأَيْمَانِهَا الْنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَكْرَمُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu). (Surah al-Hujurat 49: 13)

Dalam memperkatakan tentang hubungan antara agama, Islam jelas menunjukkan sikap yang toleran terhadap agama lain. Islam adalah satu-satunya agama yang mengakui kewujudan agama-agama lain seperti yang disebutkan di dalam al-Quran. Contohnya berkenaan dengan Ahli Kitab yang sering diperkatakan dalam al-Quran.

Konsep kesatuan agama dalam Bahai menunjukkan konsep ketuhanan Bahai yang mempunyai unsur pluralisme agama. Pluralisme merupakan satu ideologi yang menyamaratakan kepercayaan agama setara dengan ajaran yang dianuti. Dengan erti lain, seseorang mempercayai bahawa kebenaran serta keselamatan terdapat dalam setiap agama tidak kira agama apa yang dianuti. Kebenaran dianggap bersifat relatif dan subjektif. Agama hanya dianggap wasilah untuk mencapai kebenaran yang satu yang dikongsi oleh semua agama. Oleh demikian menurut fahaman pluralisme, sesebuah agama tidak berhak untuk mengatakan bahawa agamanya sahaja yang benar dan agama lain tidak mempunyai kebenaran.

Adapun menurut ajaran Islam, al-Quran jelas menyebutkan tentang kebenaran satu-satunya agama iaitu agama Islam seperti yang disebutkan di dalam al-Quran:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْأَسْلَمُ وَمَا أَخْتَافَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ  
بَعْيَانًا بِيَنْهُمْ وَمَنْ يَكْفُرُ بِأَيْتَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

“Sesungguhnya agama (yang benar dan direldai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya.” (Surah ali-'Imran 3: 19)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Islam merupakan satu-satunya agama yang diiktiraf oleh Allah. Walaupun al-Quran menyebutkan tentang kewujudan agama-agama lain dan kepentingan untuk menghormati penganut agama lain, namun begitu daripada sudut kebenaran dalam penyembahan merupakan hak mutlak ajaran Islam. Tiada agama lain yang boleh disamakan dengan agama Islam. Seperti firman Allah:

وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi. (Surah Ali-'Imran 3: 85)

Dalam proses penyatuan agama, ajaran Bahai menuntut agar penganutnya mempercayai bahawa semua agama membawa kepada satu Tuhan yang sama ditolak dalam Islam kerana agama-agama yang terdahulu telah dimansuhkan seperti mana kitab-kitab Taurat dan Injil dianggap menyeleweng setelah kedatangan Rasulullah.

Selain itu, ajaran Bahai juga menuntut para penganut agama lain mempercayai bahawa ajaran yang dibawa oleh Rasul dalam setiap agama membawa kepada Tuhan yang sama walaupun daripada Tuhan yang berbeza. Hal ini dapat disanggah dengan meyakini bahawa Nabi Muhammad merupakan utusan terakhir dan menjadi Rasul kepada semua umat manusia. Oleh yang demikian, Bab dan Baha' dianggap sebagai nabi palsu.

Ajaran Bahai dalam mempromosikan kesatuan agama tidak mempunyai konsep kufur iaitu terkeluar daripada sesebuah agama sekiranya tidak meyakini dan beramal dengan ajaran yang dianuti. Hal ini dianggap bercanggah dengan Islam kerana al-Quran sendiri telah menyebutkan kedudukan bagi mereka yang ingkar terhadap Allah dan RasulNya. Seperti firman Allah:

لَمْ يَكُنْ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ مُنْفَكِينَ حَتَّىٰ تَأْتِيهِمُ الْبَيِّنَاتُ

Orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) serta orang-orang musyrik, tidak akan terlepas (dari kepercayaan dan amalan masing-masing) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas nyata. (Surah al-Bayyinah 98: 1)

Isu-isu berkenaan pengisbatan kerasulan Nabi Muhammad, pembatalan agama Yahudi dan Kristianiti malahan agama-agama lain adalah isu yang telah jelas dan tidak lagi perlu diijtihadkan kerana ianya bersifat *qatiyyah a-thubut wa qatiyyah al-dilalah* iaitu sesuatu yang sumber dalilnya adalah bersifat putus dan indikasi maksudnya juga adalah putus. Dalam hal ini, setiap individu harus menerima sebagai sesuatu yang benar dan tada ruang lagi baginya untuk mengijtihadkan pengertian atau maksud selain daripada apa yang dapat difaham dan diterima secara mutawatir sejak zaman berzaman (Fauzi & Wan Adli, 2007).

Sekiranya ditelusuri daripada aspek epistemologi Islam pula, jelas sekali agama tidak boleh disandarkan pada sangkaan (*zann*), spekulasi dan andaian tetapi mestilah bersandarkan kepada ilmu dan kepastian. Ilmu dan kepastian ini adalah anugerah yang diberikan Allah sebagai hidayah dan petunjuk kepada orang yang beriman. Oleh itu, para ilmuwan Islam sejak dahulu bersikap tegas terhadap golongan *sufastaiyyah* (*sophist*) yang terdiri daripada kelompok agnostik (*al-la adriyyah*) yang menafikan kemungkinan manusia memperoleh ilmu dan kebenaran bergantung kepada kehendak manusia dan kelompok yang keras kepala (*al-'inadiyyah*) yang berkeras menolak kebenaran meskipun ianya terang dan jelas. Golongan *sufastaiyyah* pada hari adalah apa yang disebutkan dengan fahaman pluralisme agama kerana

menolak kebenaran yang mutlak. Adalah amat penting sekali untuk meletakkan sikap tegas dan jelas dalam mempertahankan Tauhid yang mencirikan agama Islam sebagai agama yang sebenar di sisi Allah (Khalif Muammar, 2013).

Secara kesimpulannya, kesatuan agama yang dipromosikan oleh ajaran Bahai bagi tujuan keharmonian umat manusia tidak dapat diterima daripada sudut pandang agama Islam. Keharmonian sejagat juga merupakan prinsip utama Islam yang mendasari maqasid Islam iaitu setiap individu bertanggungjawab untuk menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan yang dianggap sebagai *maqasid ‘ammah* (tujuan menyeluruh). Ini membuktikan bahawa Islam tidak pernah menganjurkan sikap benci membenci walaupun terhadap penganut bukan Islam.

Adapun dalam hubungan antara agama, Islam meletakkan batas-batas penting dalam kehidupan beragama. Antara prinsip yang boleh dipegang adalah konsep “teguh pada prinsip dan toleransi pada sikap” (Zaidi et al, 2007). Teguh pada prinsip bermaksud keyakinan bahawa asas-asas utama dalam persoalan akidah dan ibadat haruslah dianggap sebagai kebenaran mutlak. Dalam hal ini, tiada ruang untuk berkompromi dan bertoleransi dengan penganut agama lain. Adapun toleransi yang dianjurkan dalam Islam adalah pada sikap dan muamalah antara penganut agama sebagai contoh sikap terhadap kepercayaan agama lain yang tidak memaksa, tidak mencaci dan tidak berkasar dengan penganut agama lain atas faktor agama yang berbeza.

### **Kesimpulan**

Pembentukan prinsip kesatuan agama dalam ajaran Bahai bertitik tolak daripada tanggapan bahawa kepelbagaiannya menyebabkan perpecahan berlaku di antara penganut agama. Kewujudan agama yang berbilang gagal menyatukan umat manusia. Yang demikian, menurut Bahaullah, kesatuan manusia hanya dapat dikecapi menerusi kesatuan agama.

Hasil rumusan menunjukkan prinsip kesatuan agama dalam ajaran Bahai boleh dilihat daripada tiga komponen utama. Pertama, penafian terhadap wujudnya kebenaran mutlak dalam agama. Kedua, keselamatan wujud dalam semua agama. Ketiga, semua rasul yang diutus membawa agenda yang sama iaitu menyembah Tuhan yang sama hanya berbeza dari sudut waktu dan keadaan masyarakat. Ketiga-tiga fahaman ini dapat dilihat mendasari konsep kesatuan agama dalam ajaran Bahai.

Implikasi daripada keterbukaan agama Bahai dalam prinsip kesatuan agama ini menjadikan agama Bahai sebagai agama yang kedua paling pesat berkembang selepas ajaran Kristianiti. Ini adalah kerana konsep kesatuan agama dalam Bahai menekankan prinsip-prinsip universal dalam ajaran serta tidak meletakkan hukuman kufur terhadap penganut agama lain yang menyebabkan ramai yang tertarik dengan ajaran Bahai. Penganut Bahai percaya bahawa akan tiba suatu masa nanti seluruh umat manusia akan menganuti ajaran Bahai yang disebutkan sebagai *World Bahai Order*.

Adapun daripada sudut pandang Islam, Islam menolak pemikiran relatif khususnya berkenaan dengan prinsip akidah. Tiada ruang *wahm* atau *zhann* yang boleh berlaku dalam prinsip akidah apatah lagi keyakinan terhadap kewujudan Allah dan Nabi Muhammad sebagai rasul terakhir. Selain itu, Islam juga telah jelas membezakan di antara keimanan dan kekufuran. Tuntasnya, prinsip ajaran Bahai jelas tidak selaras dengan prinsip asas pemikiran Islam.

## Rujukan

- A.V. 20 April 2017. "The Economist explains: The Bahai faith". *The Economist*. Retrieved 18 Sept 2018.
- Abdu'l-Bahá. 1984. The Promulgation of Universal Peace. Wilmette: Bahá'í Publishing Trust
- Affolter, Friedrich W. (January 2005). "The Specter of Ideological Genocide: The Bahá'ís of Iran" (PDF). *War Crimes, Genocide, & Crimes against Humanity*. 1 (1): 75–114.
- Amanah Nurish. 2015. "Perjumpaan Bahai dan Syiah di Asia Tenggara: Paradoks Munculnya Imam Mahdi di Abda Moden" *Jurnal Maarif*. 10 (2)
- Byrne, Peter. 1995. *Prolegomena to Religious Pluralism*. New York: Macmillan.
- Esslemont, John. 1980. *Bahá'u'lláh and the New Era*. Wilmette: Bahá'í Publishing Trust
- Fazel, Seena. 2003. "Religious Pluralism and the Bahai Faith" *Interreligious Insight*. 1 (3). 42-49
- Hartz, Paula. 2009. *World Religion Bahai Faith*. New York: Infobase Publishing
- Hatcher, W.S.; Martin, J.D. (1998). *The Bahá'í Faith: The Emerging Global Religion*. New York, NY: Harper & Row.
- Johnson, Todd M. & Grim, Brian J. (2013). "Global Religious Populations, 1910–2010". *The World's Religions in Figures: An Introduction to International Religious Demography*. John Wiley & Sons. Pp 59–62.
- Muhammad Zaidi Abdul Rahman, Nur Hafilah Musa, Baharuddin Che Pa. 2007 "Asas Toleransi Terhadap Kebebasan Beragama dari Perspektif Islam" Konsep Asas Islam dan Hubungan antara Agama. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Pp 113-134
- Proclamation of Bahá'u'lláh. 1968. Haifa: Bahá'í World Centre.
- Seena Fazel, "Introduction to Abdu'l-Bahá on Christ and Christianity," *Bahá'í Studies Review*, vol. 3, no. 1 (1993), pp. 1-6, online at [Bahai-library.com/provisionals/abdulbaha.xity.intro.html](http://bahai-library.com/provisionals/abdulbaha.xity.intro.html). Retrieved 18 Sept 2018.
- Smith, Peter. 2008. *An Introduction to the Baha'i Faith*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Warbug, Margit. 1999. "Bahai: A Religious Approach to Globalization" *Social Compass*. 49 (1). 47-56
- Bahaullah. Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh. Trans Shoghi Effendi. [www.bahai.org/r/332881838](http://www.bahai.org/r/332881838). 19 September 2018.